

GEO *Tour de* Malaysia

KERJA LAPANGAN PELAJAR
GEOSAINS TAHUN 3

m.s. : 20





SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

PROF. MADYA TS. DR. MOHAMAD FAIZ BIN MOHD AMIN

PROF. MADYA DR. NORRIMI ROSAIDA BT AWANG

DR. MUHAMAD AZAHAR BIN ABAS

KETUA EDITOR

DR HAMZAH HUSSIN

EDITOR

DR. HAFZAN EVA BINTI MANSOR

TS. DR. MOHD SUKHAIRI BIN MAT RASAT

DR. JAYARAJ VIJAYA KUMARAN

PN. FARAH KHALIZ BINTI KEDRI

CIK NOR SAYZWANI BINTI SUKRI



Hak Cipta UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat UMK.

Judul buku: Buletin Fakulti Sains Bumi

Edisi Jan – Jun 2023

Nombor e-ISSN: 2716-6619

Diterbitkan oleh:

Fakulti Sains Bumi

Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli,
17600 Jeli, Kelantan, Malaysia.



ISI KANDUNGAN

- Program Iftar Bersama Pelajar Sains Kelestarian Alam Sekitar 01
- Program Environmental Sustainability Week 2023 02
- Pendedahan Aktiviti Persampelan dan Sesi Temubual
Bersama Komuniti Tasik Banding Bagi Laporan Penilaian
Impak Alam Sekitar (EIA) 04
- Kolokium Projek Penyelidikan II Sesi Akademik Semester
September 2022/2023 05
- Kem Bumi 5.0 07
- Program Fakulti Sains Bumi Bersama Pelajar Asasi Sains
Universiti Malaysia Kelantan 09
- Program Jamuan Hari Raya Aidilfitri Sains Kelestarian Alam
Sekitar 10
- Kerja Lapangan Kursus EGT10103 & EGT10303 11
- Forum Pengenalan Kepada Geowarisan 13
- Amali Luar Kursus ENE3203 & ENE3193 14
- Program Sharing Knowledge and Experience From Industrial
Practitioner Bersama Panthera Malaysia 16
- Program Tautan Kasih Geosains 2023 18
- Program Geobuddies 2023 19
- Geo Tour De Malaysia Kerja Lapangan Pelajar Geosains Tahun
3 20
- Meningkatkan Inovasi Pelajar Pra-PIITRAM 2023 22
- Program Etika Dan Tingkah Laku Semasa Menjalani Latihan
Industri 24

ISI KANDUNGAN

- Aktiviti Kerja Lapangan Bagi Kajian Penyelidikan Tahun Akhir ENT3193 & ENT4203 25
- Bengkel Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan di Universiti Malaysia Kelantan, Tropical Rainforest Research Centre (UMK-TRACE) 26
- Bengkel Projek Penyelidikan Tahun Akhir I Program SEL dan SEG 27
- FTIR Microscope Refresh Training 29
- Webinar Jom Standards 30
- Majlis Perpisahan Pelajar SEN 3 dan Jamuan Raya Sains Sumber Asli 31
- Program Ikatan Ukhwah Antara Pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 Sains Sumber Asli 32
- Kerja Lapangan Kajian Sosiologi Dan Pembangunan Lestari Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus, Tumpat Kelantan 33
- Kerja Lapangan Projek Penyelidikan Tahun Akhir Tempat Rekreasi Jeli dan Tapak Pelupusan Sampah Di Kelantan 35
- Bengkel Audit Dalaman MS ISO/IEC 17025:2017 bagi Tahun 2023 36
- Pembentangan Akhir Kursus Projek Penyelidikan II Pelajar Tahun 3 SEN, Fakulti Sains Bumi 2022/2023 37
- Lawatan Akademik Kursus EKT3093 dan EKE3093 38
- Pembentangan Cadangan Awal Projek Penyelidikan Tahun Akhir Program SEL dan SEG 39

ISI KANDUNGAN

- Kerja Lapangan bagi Kajian Penyelidikan Tahun Akhir di Lata Keding, Lata Janggut, Lata Turbo dan Lata Renyok, Jeli Kelantan 40
- Kerja Lapangan Kursus Geofizik (EGT2043) dan Paleontologi (EGT2023) 41
- Bengkel Penggunaan dan Pengurusan ABEM Terrameter LS 2 dan Alatan Seismik 43
- FSB Global Outreach: International Mobility for Discovering, Networking and Linkages 44



IFTAR BERSAMA PELAJAR SAINS KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Dr. Nor Shahirul Umirah binti Idris



Bulan Ramadhan juga dikenali sebagai bulan memberi dan berkongsi, dipenuhi dengan kebahagiaan dan berkat yang melimpah serta memberi peluang untuk kita memaksimumkan amalan baik kita. Oleh yang demikian, bagi menyemarakkan lagi bulan kemuliaan Bulan Ramadhan di samping merapatkan ukhuwah di kalangan pelajar Program Sains Kelestarian Alam Sekitar, Kelab Sinergi Lestari telah menganjurkan program iftar yang di adakan pada 11 April 2023 bertempat di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli.

PROGRAM ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY WEEK 2023

Dr. Nor Shahirul Umirah binti Idris



Program Environmental Sustainability Week 2023 merupakan program tahunan Fakulti Sains Bumi kerjasama dengan Kelab Sinergi Lestari telah di adakan pada 14 Mei - 20 Mei 2023. Program ini dibentuk serta dirangka sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals). Seiring dengan Agenda 2030, peranan yang dimainkan oleh institusi pendidikan sangat penting dalam memastikan matlamat SDGs dapat disalurkan dan dihebahkan kepada komuniti setempat dan generasi kini dan akan datang. Objektif program adalah untuk mempromosikan pendidikan

dan kesedaran alam sekitar secara menyeluruh melalui penganjuran aktiviti berkonsepkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Selain itu, program ini juga bermatlamat membudayakan Pendidikan secara berterusan di kalangan pelajar melalui program perkongsian ilmu di antara pelajar dan komuniti luar kampus. Program ini melibatkan kerjasama yang menyeluruh daripada pelajar UMK Kampus Jeli dan komuniti luar serta jaringan kerjasama dengan organisasi dalaman serta luaran. Di antara organisasi luar yang terlibat adalah Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Kesihatan Daerah Jeli, Jabatan Pertanian, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, JAKOA,



Malaysian Nature Society (MNS) serta sekolah menengah sekitar UMK Kampus Jeli.. Di antara aktiviti yang telah dirancang bagi mendukung Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) adalah gotong-royong mengutip sampah, pengasingan sampah mengikut kategori, kempen pengumpulan minyak masak terpakai, sisa elektronik dan barangan kitar semula. Pemilihan aktiviti ini adalah selari dengan penetapan gol SDGs iaitu SDG 13 (climate action), SDG 14 (life below water) dan SDG15 (life on land).

PENDEDAHAN AKTIVITI PERSAMPELAN DAN SESI TEMUBUAL

BERSAMA KOMUNITI TASIK BANDING BAGI LAPORAN PENILAIAN IMPAK ALAM SEKITAR (EIA)

Nor Sayzwani Sukri, Nor Hizami Hassin, Muhammad Nurfaiz Abd Rahim,
Kharul Azmi Mu'azzam Abdul Rahman

Pada 27 Disember 2022 dan 3 Januari 2023, pelajar di bawah subjek Penilaian Impak Alam Sekitar (FPE3223) berpeluang menjalankan kerja lapangan bagi memenuhi pelaporan dalam Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) di sekitar Tasik Banding. Seramai 38 orang pelajar dari Program SBL, Fakulti Industri Asas Tani dan 49 orang pelajar dari program SEL, Fakulti Sains Bumi, terlibat dalam program ini. Pendedahan aktiviti di lapangan adalah kesinambungan daripada teori yang telah pelajar pelajari di dalam bilik kuliah. Pelaporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) adalah selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan menggunakan garis panduan EIA yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dibawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia.

Kerja lapangan di Tasik Banding ini meliputi aktiviti persampelan air dan sesi temubual bersama komuniti di sekitarnya. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menyelesaikan tugas yang telah diberikan. Selain daripada itu juga, pelajar diberikan penekanan terhadap kepentingan pengurusan masa dilapangan kerana pelajar mempunyai berapa tempat persampelan dalam satu masa. Pelajar juga diberi pengenalan terhadap Tropical Rainsforest Research Centre (UMK-TRaCe) oleh Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim.





MAJLIS PENUTUP KOLOKIUUM PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR (PROGRAM SEL & SEG)

FAKULTI SAINS BUMI
SESI SEPTEMBER 2022/2023

TARIKH: 26 JANUARI 2023
TEMPAT: KULIAH 1 (CAMELLIA)
MASA: 12.00 TENGAH HARI - 1.00 PETANG

KOLOKIUUM PROJEK PENYELIDIKAN II

**SESI AKADEMIK SEMESTER SEPTEMBER
2022/2023**

Nor Sayzwani Sukri, Roniza Ismail

Kolokium projek penyelidikan tahun akhir telah berjalan dengan jayanya pada 24 -26 Januari 2023. Bagi meraikan usaha dan penat lelah pelajar dalam menyelesaikan projek penyelidikan tahun akhir, majlis penutup kolokium projek penyelidikan tahun akhir telah dijalankan pada 26 Januari 2023 bertempat di Bilik Camillia, Fakulti Sains Bumi. Seramai 56 pelajar dari Program SEL dan 48 pelajar dari program SEG telah menyertai kolokium ini.

Kolokium ini bertujuan untuk pelajar membentangkan penemuan, analisis dan hasil kajian projek tahun akhir mereka dengan dinilai oleh barisan akademik dari program masing-masing. Secara umumnya, setelah melalui proses menjayakan projek penyelidikan tahun akhir yang melibatkan dua semester pengajian, pelajar dapat mengorganisasikan penyelidikan, kerja lapangan atau kerja makmal mengikut ilmu yang telah mereka pelajari.



Dihari yang penuh bermakna ini pembentang terbaik dari Program SEL adalah Siti Noor Balqis Bukhari, Sarafiza Jamil dan Yogapria A/P Sathianathan manakala bagi Program SEG pula adalah Heeralena A/P Arul Patrick, Nur Farhana Ab Malik Marwan dan Muhammad Hamdani Haszlan. Pembentang terbaik ini dipilih berdasarkan sesi pembentangan kolokium yang telah mereka harungi. Hadiah pembentang terbaik telah disampaikan oleh oleh Ketua Jabatan Goesains iaitu Dr. Nursufiah Sulaiman. Majlis penutup ini juga telah diserikan dengan kehadiran barisan pensyarah dari kedua-dua program.



KEM BUMI

5.0

Mohd Sukhairi Mat Rasat & Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid

Pada 1 hingga 3 Jun 2023 telah dianjurkan satu program program Kem Bumi 5.0 (2023) bagi mahasiswa/i Tahun 1 di bawah Jabatan Sumber Asli dan Kelestarian (JSAK), Fakulti Sains Bumi (FSB) bertempat di Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang, Kelantan. Program ini telah disertai oleh seramai 185 pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) daripada program Sains Kelestarian serta Sains Sumber Asli dan dibantu oleh 20 mahasiswa/i kanan Tahun 3 sebagai fasilitator, manakala 10 staf sebagai pembimbing.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada mahasiswa/i tahun 1 JSAK tentang aktiviti yang melibatkan sumber alam, persekitaran dan sahsiah diri. Ia turut menyediakan mahasiswa/i dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mampu membentuk perkembangan minda, minat, bakat, jasmani dan rohani serta nilai estetik yang lain. Program ini juga dilihat sebagai satu alternatif kepada mahasiswa/i FSB amnya dan JSAK khususnya dalam melahirkan mahasiswa/i yang holistik. Penganjuran program ini mampu memberi pendedahan dan menyemai minat mahasiswa/i berkenaan kelestarian flora, fauna, alam sekitar serta elemen berkait yang boleh diterapkan dalam pembelajaran kuliah.

Ia bertepatan dengan saranan United Nations: Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: Quality Education (*Modul 1 - 4), SDG14: Life below Water (*Modul 6), SDG15: Life on Land (*Modul 7) dan SDG17: Partnership for the Goals (*Modul 5). J



Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah bersetuju untuk berkongsi kepakaran dalam melaksanakan modul ini melalui perkongsian kakitangan JPNK iaitu dikalangan renjer serta pengawas hutan, disamping sejajar dengan slogan FSB Discover yang telah dilancarkan oleh YBhg Dato Naib Canselor pada 31 Januari 2023 yang lalu, program ini adalah bertepatan dengan satu (1) daripada tujuh (7) tema FSB Discover iaitu FSB Discover 4: FSB Xplore (untuk memupuk semangat dan kemahiran tanpa batas dalam menghayati keindahan bumi).

Diharapkan program ini dapat mempersiapkan mahasiswa/i dengan persediaan mental, fizikal dan emosi bagi menghadapi pelbagai situasi disepanjang menjalani kehidupan bergelar mahasiswa/i bagi penyesuaian diri di kampus, luar kampus serta alam pekerjaan kelak.



PROGRAM FAKULTI SAINS BUMI BERSAMA

PELAJAR ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hamzah Hussin

Satu program Fakulti Sains Bumi bersama dengan pelajar Asasi Sains UMK telah diadakan pada 15 April 2023. Program ini berlangsung di sekitar bangunan Fakulti Sains Bumi. Tujuan program ialah untuk mempromosikan semua program pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Bumi. Program ini melibatkan semua jabatan pengajian di Fakulti Sains Bumi iaitu Jabatan Geosains dan Jabatan Sains Alam Sekitar dan Kelestarian. Pelajar Asasi Sains UMK dipecahkan kepada 10 kumpulan, dan perlu melawat 10 lokasi berbeza, yang telah ditetapkan oleh fasilitator.

Setiap lokasi disediakan aktiviti yang sesuai, bertujuan untuk memberi maklumat tentang setiap program pengajian di Fakulti Sains Bumi. Aktiviti secara fizikal dan sesi penerangan oleh para pensyarah, dan dibantu oleh fasilitator diharapkan boleh membuka mata para peserta tentang keistimewaan dan kelebihan yang ada pada setiap program pengajian yang ditawarkan. Program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang sangat baik daripada pelajar Asasi Sains UMK.



PROGRAM JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI SAINS KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Dr. Nor Shahirul Umirah binti Idris

Tidak lengkap rasanya sambutan Aidilfitri tanpa hidangan rendang dan amalan bermaafan. Justeru, bagi memeriahkan lagi suasana sambutan hari raya, Kelab Sinergi Lestari telah menganjurkan jamuan hari raya aidilfitri pada 19 Mei 2023 di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli melibatkan penyertaan pelajar program Sains Kelestarian Alam Sekitar. Penganjuran program dilihat mampu mengeratkan ukhuwah dan hubungan silatulahim di antara pelajar dan pensyarah.

KERJA LAPANGAN KURSUS

EGT10103 & EGT10303

Hamzah Hussin

Kerjalapangan melibatkan kursus EGT10103 Pengenalan dan Amalan Profesional dalam Geosains dan EGT10303 Kristalografi dan Mineralogi telah berlangsung selama dua hari iaitu 9-10 Jun 2023. Program berlangsung di sekitar Batu Melintang, Jeli dan Tasik Banding, Grik. Kerjalapangan ini melibatkan pelajar tahun 1, berjumlah 69 orang dan diiringi oleh dua orang pensyarah serta satu orang pembantu makmal.



Kerjalapangan ini bertujuan untuk memberi pendedahan lapangan kepada pelajar pengetahuan umum berkenaan bidang geologi, terutamanya bagi pengenalan kepada batuan dan elemen geologi yang lain. Sebanyak lapan lokasi telah dipilih untuk dilawati sepanjang kerjalapangan ini berlangsung. Kawasan yang dipilih mewakili jenis batuan berbeza serta mempunyai keunikan struktur geologi. Pendedahan kaedah cerapan lapangan kepada para pelajar penting bagi membolehkan mereka mengaplikasikan ilmu yang diperolehi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan makmal.



FORUM PENGENALAN KEPADA GEOWARISAN

PEMETAAN GEOWARISAN

Nursufiah Sulaiman

Satu forum telah diadakan bagi memberi pendedahan lebih lanjut kepada umum tentang Pemetaan Geowarisan dinegara kita, terutamanya di negeri Kelantan. Forum ini telah diadakan pada 16 April 2023 dengan kerjasama antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Persatuan Geologi Malaysia (PGM/GSM) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG). Forum ini telah dijayakan oleh moderator Dr. Nursufiah Sulaiman, disamping ahli panel pertama daripada JMG, Cik Atilia Bashardin, dan ahli panel kedua daripada UMK iaitu Dr. Hafzan Eva Mansor. Ahli panel pertama, Cik Atilia adalah merupakan Pegawai Geosains JMG Kelantan dibawah unit pemetaan geologi, manakala ahli panel kedua merupakan pensyarah kanan di Jabatan Geosains, Fakulti Sains Bumi (FSB), UMK.

Melalui program ini, beberapa isu dan perkembangan semasa dalam bidang geowarisan dikupas. Sementalahan pula, program ini mendapat sambutan bukan sahaja dari kalangan pelajar UMK, tetapi juga daripada para pensyarah universiti lain, pegawai JMG dan pegawai geosains lainnya. Pada akhir sesi, forum ini dibuka kepada para peserta untuk bertanya soalan tentang geowarisan di Malaysia. Diharap dengan berjalannya program seumpama ini, pihak yang terlibat seperti pelajar dan orang awam sendiri, dapat lebih mendalami dan melihat dengan lebih jelas tentang aspek/nilai geowarisan di Malaysia.



AMALI LUAR

KURSUS ENE3203 & ENE3193

Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid



Pengurusan Hutan Secara Lestari (ENE 3203) dan Pengurusan Lembangan dan Legeh (ENE 3193) adalah dua mata pelajaran elektif yang termasuk dalam Program Sains Sumber Asli (SEN). Kursus-kursus ini memberikan tumpuan kepada pengurusan hutan secara lestari dan pengurusan lembangan serta kawasan tadahan air secara bersepadu, termasuk polisi, pemantauan, penilaian, penyelidikan, dan latihan untuk menghubungkan manusia dengan persekitaran.

Pelajar diberikan pendedahan kepada pengurusan hutan secara lestari serta pengurusan kawasan tadahan air dan lembangan sungai. Mereka mempelajari cara bijak mengurus aktiviti hulu dan sumber untuk memastikan kawasan hiliran kekal bersih dan sihat. Seramai 40 pelajar (13 lelaki, 27 perempuan) telah mendaftar untuk dua mata pelajaran ini. Amali lapangan ini telah dijalankan pada 15 Jun 2023 di Tapak Semaian Bukit Batu Tapong dan Taman Eko Rimba Jeram Linang, Pasir Puteh. Agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (Bahagian Perancangan & Pengurusan) turut sama turut serta membantu menjayakan amali luar ini.





Objektif utama amali luar ini adalah untuk memberi pendedahan dan pemahaman mengenai pengurusan hutan secara lestari dan pengurusan lembangan serta legeh. Ia juga adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar dalam menjalankan aktiviti pengurusan, pemantauan, dan penilaian kawasan berhutan dan berair.





PROGRAM SHARING KNOWLEDGE AND EXPERIENCE FROM INDUSTRIAL PRACTITIONER BERSAMA PANTHERA MALAYSIA

Dr. Norashikin Fauzi

Pada 24 Mei 2023 telah berlangsung Program Sharing Knowledge and Experience from Industrial Practitioner bersama NGO-Panthera Malaysia anjuran Program Sains Sumber Asli, Fakulti Sains Bumi (FSB) bertempat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli. Panthera merupakan badan bukan kerajaan yang berpusat di Amerika Syarikat dan memainkan peranan penting dalam konservasi harimau di Asia Tenggara.

Tujuan penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar Tahun 3 yang mengikuti kursus elektif Perundangan berkaitan dengan Sumber Asli di bawah pengajaran Dr. Norashikin Fauzi. Di dalam kursus elektif ini, para pelajar didedahkan dengan penguatkuasaan dan pemakaian akta oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pemuliharaan flora, fauna, hutan simpanan, taman-taman negara dan mineral di Malaysia.



Pengkongsian ilmu dan pengalaman daripada pihak Panthera Malaysia telah diadakan secara bersemuka bersama penceramah jemputan, Encik Azlan Sulaiman, Kapten Peronda Projek Kenyir, Panthera Malaysia. Pameran jenayah hidupan liar dan kepelbagaian jenis jerat yang digunakan oleh pemburu haram turut diadakan di ruangan lobi FSB. En. Azlan Sulaiman turut berkongsi mengenai peranan NGO-Panthera Malaysia dalam membantu membanteras kegiatan pemburuan harimau belang di Malaysia berlandaskan pada akta yang telah diperuntukkan seperti Akta 716.

Pameran ini telah mendapat sambutan yang meriah daripada warga UMK Kampus Jeli dan secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran orang awam tentang konservasi dan kepentingan hidupan liar dalam ekosistem.

Semoga penganjuran program sebegini dapat membudayakan dan memanfaatkan amalan perkongsian ilmu di antara pihak industri dan pelajar Program SEN tentang perundangan hidupan liar. Selain daripada itu, program ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran menerusi perbincangan secara bersemuka. Program ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali Panthera Malaysia secara lebih dekat

PROGRAM TAUTAN KASIH

GEOSAINS 2023

Dr. Nor Shahida binti Shafiee @ Ismail



Pada 24 Jun 2023 telah berlangsung Program Tautan Kasih anjuran Jabatan Geosains, Fakulti Sains Bumi. Program ini merupakan salah satu program tahunan bagi meraikan mahasiswa/wi program Geosains dan turut melibatkan pensyarah, staf sokongan serta alumni Geosains. Program Tautan Kasih ini melibatkan dua acara iaitu, Fun Race dan Gala Night yang akan berlangsung pada hari yang sama. Acara Fun race dijalankan pada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dengan melibatkan aktiviti secara berkumpulan mengabungkan pelajar, staf sokongan, pensyarah dan alumni. Program diteruskan dengan acara Gala Night yang telah berlangsung pada waktu malam. Dengan bertemakan Masquerade, Gala Night ini telah berlangsung di Dewan Utama, Kampus Jeli. Dengan berakhirnya program seperti ini, adalah diharapkan agar aktiviti tahunan seperti ini, dapat memperkukuhkan ikatan setiakawan dan persaudaraan sesama pelajar dengan para pensyarah, alumni dan staf sokongan program geosains UMK.

PROGRAM GEOBUDDIES 2023

Haszmawati binti Sufii & Dr. Nor Shahida binti Shafiee @ Ismail

Penganjuran program Geobuddies bagi sesi 2022/2023 telah dijalankan pada 1 Jun 2023 di Dewan Serbaguna Kampus Jeli. Program Geobuddies merupakan program tradisi bagi jurusan Geosains di mana program ini adalah anjuran Jabatan Geosains, Fakulti Sains Bumi dan Kelab Eksplorasi. Program tahunan ini merupakan salah satu inisiatif untuk membantu pelajar Geosains dalam sahsiah akademik dan juga kerja lapangan. Program ini turut melibatkan kehadiran 3 alumni program Geosains Universiti Malaysia Kelantan untuk merapatkan hubungan alumni-pelajar Geosains di samping berkongsi pengalamam mereka ketika bergelar mahasiswa sehingga memasuki alam pekerjaan. Program Geobuddies sesi 2022/23 telah mencapai objektif Jabatan dan kelab eksplorasi iaitu program ini telah menjadi medium perkongsian akademik dan bukan akademik seterusnya mengeratkan hubungan antara satu sama lain melalui aktiviti berkumpul yang telah dijalankan. Adalah diharapkan agar semua pelajar program Geosains, UMK mendapat manfaat melalui perkongsian dan soal jawab bersama alumni, aktiviti berpasukan seterusnya dapat membakarkan lagi semangat dan membuka minda pelajar Geosains untuk belajar bersungguh-sungguh dalam bidang Geosains ini.



GEO TOUR DE MALAYSIA

KERJA LAPANGAN PELAJAR GEOSAINS TAHUN 3

Dr. Hafzan Eva Mansor, Dr. Mohammad Muqtada Ali Khan,
Dr. Noorzamzarina Sulaiman, Dr Hamzah Hussin




Kerja lapangan yang dijalankan ini adalah untuk memenuhi komponen penilaian berterusan untuk subjek-subjek berikut: Geologi Malaysia dan Kerja Lapangan (EGE3093), Hidrogeologi (EGT3142), Geomorfologi (EGE 4372) dan Pengenalan Geowarisan (EGE4332). Program Geo Tour de Malaysia ini akan dijalankan selama 7 hari bermula dari 11 hingga 17 Jun 2023. Program ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai ilmu geologi di lapangan. Seramai 76 orang Pelajar SEG 3 akan terlibat dan diiringi oleh 4 orang Pensyarah Geosains serta seorang pembantu makmal.

Beberapa lokasi telah dipilih untuk mewakili beberapa formasi geologi yang berbeza dalam stratigrafi Semenanjung Malaysia. Lokaliti-lokaliti tersebut juga mempunyai nilai geowarisan tersendiri (terutamanya Negeri Kedah yang mempunyai beberapa geotapak di bawah Jerai Geopark), disamping beberapa lokaliti yang sesuai untuk kajian geomorfologi kars, pantai, dan kawasan perbukitan. Antara negeri yang akan dilawati oleh para pelajar adalah Kelantan, Pahang, Terengganu, Kedah dan Perlis. Lokaliti-lokaliti kerjalapangan yang dipilih juga meliputi Jajaran Pantai Timur dan Pantai Barat (terletak dalam Jalur Timur, Barat, dan Tengah) yang mana mewakili jujukan stratigrafi Malaysia yang berbeza. Sesi pembelajaran, pengajaran dan pendekatan di setiap lokaliti adalah berbeza bergantung kepada fitur, struktur dan persekitaran geologi yang terdapat di kawasan lapangan tersebut.



Menerusi aktiviti kerja lapangan yang insentif ini, para pelajar diharapkan dapat memperkasakan ilmu pengetahuan sekaligus mempraktikkan ilmu-ilmu geologi yang dipelajari sepanjang pengajian secara teori melalui kuliah. Di samping itu, program ini dirangka khusus bagi memenuhi dan mencapai CLO bagi subjek Geologi Malaysia dan Kerja Lapangan, Pengenalan Geowarisan, Geomorfologi, dan Hidrogeologi.



MENINGKATKAN INOVASI PELAJAR

PRA-PIITRAM 2023

Dr. Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & Dr. Hj. Marisah Muhammad

Pada 31 Januari 2023, Jabatan Persediaan Sains UMK menganjurkan acara Pra-pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi yang diadakan dengan penuh semangat dan kreativiti. Acara ini bertujuan untuk memilih produk inovasi terbaik yang layak untuk menyertai Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) 2023.

Dengan disertai pelbagai inovasi unik dan kreatif, Pra-PIITRAM 2023 membuktikan bahawa bakat dan kebolehan pelajar Asasi Sains UMK tidak boleh dipandang ringan. Kelima produk yang dipertandingkan telah menarik perhatian ramai dengan ciri-ciri yang mempunyai potensi besar dalam menyelesaikan masalah semasa.



Salah satu daripada produk yang mendapat perhatian adalah Plant Disease Notify System. Sistem ini memberikan solusi yang cekap untuk menangani masalah penyakit tanaman dengan memberi amaran kepada petani secara automatik. Ini adalah penemuan penting dalam bidang pertanian yang membantu meningkatkan hasil tanaman dan menjaga kesuburan tanah. Produk berikutnya, FS Flood Detector, merupakan satu lagi inovasi yang sangat relevan dalam menghadapi cabaran banjir semakin kerap. Dengan teknologi canggih, peranti ini membolehkan pengesanan banjir yang pantas dan tepat, membolehkan langkah-langkah keselamatan dan penyelamatan yang lebih berkesan.

Pra-PIITRAM 2023 juga menyaksikan kehadiran Smart Lab System, satu platform pintar yang membantu penyelidik dan pelajar di makmal untuk menguruskan data dan eksperimen dengan lebih efisien. Dengan antara muka yang mesra pengguna, produk ini berpotensi untuk membantu mempercepatkan kemajuan dalam bidang penyelidikan saintifik. Isu pengurusan sisa telah menjadi semakin mendesak dalam masyarakat masa kini. Produk Smart Waste Management mencetuskan minat besar kerana memberikan pendekatan pintar dan efektif dalam menguruskan sisa dan menggalakkan amalan kelestarian alam sekitar.

Terakhir tetapi tidak terkecuali, Ultra Fogging adalah produk yang memfokuskan kepada kesihatan dan kebersihan. Dengan teknik pengabutan yang canggih, produk ini membantu dalam membasmi vektor penyakit dan memastikan persekitaran yang lebih selamat dan sihat. Pra-PIITRAM 2023 adalah tonggak penting dalam membangunkan dan mengiktiraf potensi inovasi pelajar Asasi Sains UMK. Dengan produk-produk yang luar biasa seperti Plant Disease Deficit Notify System, FS Flood Detector, Smart Lab System, Smart Waste Management, dan Ultra Fogging, harapan tinggi terletak pada PIITRAM 2023 untuk melahirkan solusi-solusi revolusi yang membawa manfaat besar kepada masyarakat dan alam sekitar.



PROGRAM ETIKA DAN TINGKAH LAKU SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Elvaene James



Saban tahun Fakulti Sains Bumi akan melaksanakan kursus Latihan Industri yang merupakan kursus wajib kepada setiap mahasiswa dan mahasiswi sebelum bergraduat. Para pelajar biasanya akan melaksanakan kursus tersebut selama satu semester atau dua semester bergantung kepada program yang diikuti di fakulti. Untuk menyediakan para mahasiswa dan mahasiswi sebelum melakukan latihan industri, pihak fakulti telah melaksanakan Program Etika dan Tingkah Laku Semasa Menjalani Latihan Industri. Program ini berperanan penting dalam melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran tinggi dan keterampilan yang sangat diperlukan dalam pasaran pekerjaan pada masa kini.

Semua pelajar daripada program Geosains dan Sains Kelestarian mengikuti program tersebut yang dilaksanakan pada 15 Januari 2023 (Ahad) yang bertempat di Bilik Kuliah 1. Panel yang dijemput ialah Dr. Mohd Yunus bin Zakaria yang juga merupakan bekas kakitangan akademik FSB. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang pengurusan dan juga sumber manusia. Para pelajar juga meluahkan rasa teruja dengan pendedahan dan pengetahuan yang diberikan yang seterusnya menyuntik semangat untuk menghadapi pekerjaan yang bakal dihadapi selepas bergraduat kelak.



AKTIVITI KERJA LAPANGAN BAGI KAJIAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR

ENT3193 & ENT4203

Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid

Kerja lapangan adalah elemen yang sangat penting dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Sains Bumi. Aktiviti penyelidikan lapangan ini melibatkan kajian di lokasi sebenar, tempat awam, serta premis atau lokasi berkaitan lain untuk tujuan penyelidikan seperti pengambilan sampel, analisis di tempat, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan fokus berkumpulan, dan sebagainya.



Perancangan dan permohonan untuk menjalankan aktiviti ini adalah suatu langkah yang perlu diberi tumpuan utama untuk mengurangkan risiko kepada kesihatan dan keselamatan. Pelajar tahun tiga, Program Sains Sumber Asli iaitu Sharveen Raj A/L Suresh (E20A0485), bersama penyelia, Nur Kyariatul Syafinie Binti Abdul Majid telah menjalankan aktiviti persampelan dan pengumpulan data di sekitar Pusat Penyelidikan Hutan Hujan Tropika (TRaCe) pada 16-18 Mac 2023. Turut sama membantu dalam kerja lapangan ini adalah Encik Mohd Khairul Hamzah (Arborist) dari Belum Rainforest Resort selaku penyelia bersama untuk Projek Penyelidikan Pelajar Tahun Akhir ini. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pengecaman pokok dan pengukuran tahap kesihatan pokok di persekitaran TRaCe.



BENGGKEL FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN DI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, TROPICAL RAINFOREST RESEARCH CENTRE (UMK-TRACE)

Nurul Amirrah Binti Abdul Rahman

Pada 12 hingga 14 Mac 2023 telah dianjurkan satu program iaitu Bengkel Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan di Universiti Malaysia Kelantan, Tropical Rainforest Research Centre (UMK-TRaCe) yang bertempat di Pulau Banding, Gerik Perak. Program ini telah disertai oleh seramai 30 orang staf dari Fakulti Teknologi Warisan (FTKW) UMK.

Program ini dianjurkan di UMK- TRaCe bagi meningkatkan lagi semangat kerjasama antara rakan sekerja disamping menikmati keindahan alam semula jadi di hutan simpan Pulau Banding. Disamping itu, banyak aktiviti-aktiviti yang telah disediakan oleh UMK- TRaCe kepada peserta seperti mandi air terjun di Sungai Gadong, Round Island dan menikmati permandangan alam di sana.





BENGGKEL PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR I

PROGRAM SEL DAN SEG

Nor Sayzwani Sukri & Roniza Ismail

Pada 31 Mac dan 1 April 2023 seramai 140 orang pelajar yang terdiri daripada 75 pelajar Program SEL dan 75 pelajar Program SEG berkampung di Fakulti Sains Bumi bagi mengikuti Bengkel Projek Penyelidikan Tahun Akhir I bagi sesi akademik Februari 2022/2023. Dengan membawa 14 penceramah yang berbeza latar belakang kepakaran bagi membantu pelajar dalam menjayakan projek penyelidikan tahun akhir.

Di hari pertama bengkel pelajar diberikan pendedahan mengenai taklimat umum dan etika dalam projek penyelidikan tahun akhir oleh Chm. Dr. Nik Raihan Nik Yusoff. Diikuti dengan peluang dan panduan mobiliti oleh Dr. Amal Najihah Muhammad Nor. Dalam menjayakan projek penyelidikan tahun akhir, aspek keselamatan di makmal dan kerja lapangan juga dititik berat melibatkan peraturan serta prosedur kerja makmal dan kerjalapangan yang disampaikan oleh Cik. Sharifah Aisyah Syed Omar.



Penulisan format dalam tesis dengan betul juga diberi penekanan dengan membawa Dr. Nor Shahirul Umirah Idris, Puan Farah Khaliz Kedri dan Dr. Elvaene James selaku penceramah bagi slot tersebut. Penekanan terhadap cara penulisan ulasan kepustakaan juga di berikan kepada pelajar oleh Dr. Nurul Syazana Abdul Halim, En. Hizami Hassin dan Dr. Roniza Ismail.

Dihari kedua, pengfokusan bengkel adalah terhadap penulisan keadah penyelidikan dengan baik yang diberikan oleh Dr. Siti Hajar Ya'acob dan Dr. Wani Sofia Udin. Seterusnya pencarian bahan rujukan dengan menggunakan perisian Endnote dan Mendeley bagi memantapkan lagi penulisan tesis projek penyelidikan yang telah dikongsikan oleh Dr. Elavaena James dan Cik Nor Sayzwani Sukri. Bagi pelajar program SEG, slot pemetaan dan cara penulisan pemetaan dalam tesis juga turut diberikan oleh Dr. Mohd Shakir Sulaiman.

FTIR MICROSCOPE

REFRESH TRAINING

FSB Laboratories



Pihak pengurusan makmal telah menganjurkan latihan penyegaran bagi penggunaan FTIR microscope agar penggunaan alat ini lebih meluas dan fungsi alat ini digunakan secara keseluruhan. Latihan ini akan dilatih oleh pembekal yang akan menerangkan kaedah-kaedah penggunaan FTIR microscope dengan lebih terperinci. Latihan ini dihadiri oleh 14 peserta yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan akademik UMK.



WEBINAR

JOM STANDARDS

FSB Laboratories

Pada 6 April 2023, Unit Pengurusan Makmal FSB (FSB Laboratories) dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia telah menganjurkan Webinar Jom Standards!! Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan Badan Standard Kebangsaan dan Badan Akreditasi Kebangsaan, memberi keyakinan penuh kepada pihak yang berkepentingan, menerusi perkhidmatan standardisasi dan akreditasi yang boleh dipercayai untuk persaingan global melalui skim standardisasi dan akreditasi. Pihak pengurusan makmal berakreditasi Fakulti Sains Bumi (FSB Laboratories) menganjurkan satu sesi webinar bersama JSM dalam memberikan pencerahan dan penerangan yang lebih terperinci berkenaan skim standardisasi dan akreditasi oleh JSM. Seramai 60 peserta telah menyertai webinar ini terdiri daripada pensyarah, pelajar dan kakitangan UMK.

MAJLIS PERPISAHAN PELAJAR SEN3 DAN JAMUAN RAYA

SAINS SUMBER ASLI

Nur Izati Baharom, Shaparas Daliman & Nazahatul Anis Amaludin

Program Majlis Perpindahan Pelajar SEN3 dan Jamuan Raya ini merupakan satu program yang dijalankan pada sesi Februari 2022/2023. Program ini telah berjaya dianjurkan pada 8 Mei 2023 bertempat di Dewan Utama Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli. Program ini merupakan anjuran Kelab Eco-friendly, Fakulti Sains Bumi dan Program Sains Sumber Asli. Program ini melibatkan kesemua pelajar program Sains Sumber Asli (SEN) yang terdiri daripada pelajar Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3. Program ini digabungkan bersekali dan dijalankan bagi meraikan pelajar Tahun 3 yang bakal menjalankan Latihan Industri pada Tahun 4. Melalui pelaksanaan program ini, para pelajar dapat menjalinkan hubungan erat sesama pelajar yang lain. Objektif bagi program ini adalah melahirkan rasa kesyukuran menyambut Aidilfitri sesama pelajar SEN1, SEN2 dan SEN3 bersama-sama pensyarah Program Sains Sumber Asli serta memupuk rasa muhibbah antara satu sama lain dengan meraikan pelajar tahun akhir SEN3 yang akan menjalani Latihan Industri pada semester akan datang. Diharapkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana dapat memberi penghargaan kepada pelajar SEN3 serta menjadi pemangkin kepada semangat untuk berjaya menjalani Latihan Industri dan dapat memupuk sahsiah setiap pelajar untuk perpaduan ikhtisas yang muhibbah serta meningkatkan semangat bekerjasama yang erat sesama pelajar.



PROGRAM IKATAN UKHWAH ANTARA PELAJAR TAHUN 1 DAN TAHUN 2

SAINS SUMBER ASLI

Nur Izati Baharom, Shaparas Daliman & Nazahatul Anis Amaludin

Program Ikatan Ukhwah ini merupakan permulaan bagi program tahunan atau tradisi yang akan dijalankan oleh pelajar pada setiap semester. Dengan kerjasama daripada kelab bagi kursus Sains Sumber Asli (SEN) sendiri iaitu Kelab Eco-friendly, program ini turut dianjurkan oleh Fakulti Sains Bumi dan Program Sains Sumber Asli. Program Ikatan Ukhwah ini melibatkan kesemua pelajar program Sains Sumber Asli (SEN) yang terdiri daripada pelajar Tahun 1 dan Tahun 2. Objektif bagi program ini adalah mengeratkan hubungan silaturahim sesama pelajar SEN bersama-sama pensyarah Program Sains Sumber Asli serta memupuk rasa muhibbah antara satu sama lain dengan mengadakan aktiviti yang mengabdikan kenangan bersama-sama dalam satu program di Universiti. Program ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Diharapkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana pelbagai manfaat di kalangan pelajar antaranya dapat merapatkan ukhwah antara satu sama lain, meningkatkan semangat bekerja secara berpasukan serta memupuk akhlak dan sahsiah melalui interaksi yang baik sesama pelajar.



KERJA LAPANGAN KAJIAN SOSIOLOGI DAN PEMBANGUNAN LESTARI

PULAU TELUK RENJUNA DAN PULAU SERATUS, TUMPAT KELANTAN

Nor Sayzwani Sukri & Muhamad Azahar Abas



Pada 15 – 17 Mei 2023, seramai 50 orang pelajar Tahun 3 Program SEL yang mengambil kursus elektif Sosiologi dan Pembangunan Lestari (EKE3093) berpeluang menjalani P&P di luar bilik kuliah dengan mengkaji sosiologi dan pembangunan lestari di Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus, Tumpat Kelantan. Uniknyanya untuk ke Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus pelajar, masyarakat serta pelancong perlu menaiki bot penambang yang ada di Jeti Kuala Besar, Kota Bharu dan Jeti Kok Majid, Tumpat.



Kerja lapangan ini telah memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai sistem pengurusan ekonomi dan aktiviti yang terdapat di Pulau Teluk Renjuna dan Pulau Seratus. Selain itu, pelajar dapat berkongsi konsep pembangunan lestari dan pandangan masyarakat terhadap kesan langsung terhadap pembangunan setempat yang rata-ratanya penduduk adalah nelayan dan buruh kampung. Dalam pada masa yang sama, pelajar menjalankan khidmat komuniti dengan membersihkan kawasan masjid dan sekitar Pulau Teluk Renjuna.

Disamping menjalankan kerja lapangan, pelajar dapat merasai sendiri kemeriahan dan keunikan Pasar Terapung Sri Tanjung di Pulau Teluk Renjuna yang terletak 50 meter dari tempat penginapan pelajar. Keistimewaan Pasar Terapung Sri Tanjung adalah penjual menjual pelbagai makanan tradisi kampung dari dalam bot dan hanya dibuka pada hari Jumaat dan Sabtu. Ini menjadi salah satu tempat tarikan pelancongan di Tumpat, Kelantan dan dalam pada masa yang sama dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi penduduk Pulau Teluk Renjuna.



KERJA LAPANGAN PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR

TEMPAT REKREASI JELI DAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH DI KELANTAN

Nor Sayzwani Sukri



Dalam menjayakan Projek Penyelidikan Tahun Akhir, salah satu komponen pelengkap adalah dengan mendapatkan sampel kajian dari tempat kajian. Oleh yang demikian beberapa orang pelajar di bawah penyelian Puan Nor Sayzwani Sukri telah mendapatkan sampel air dan tanah di sekitar Negeri Kelantan dengan dibantu oleh staf makmal iaitu Encik Mohammed Firdaus Mohd Ridzuan. Secara spesifiknya bagi sampel air dan tanah diambil di tiga buah tempat rekreasi di sekitar Jeli iaitu Lata Kashmir, Lata Turbo dan Lata Biji pada 16 Ogos 2023.

Manakala pada 23 Ogos 2023 sampel tanah juga diambil di tiga buah tapak pelupusan sampah iaitu tapak pelupusan sampah Bukit Che Ros yang terletak di Tanah Merah, tapak pelupusan Beris Lalang yang terletak di Bachok dan tapak pelupusan Kok Bedollah yang terletak di Tumpat Kelantan dengan kebenaran oleh Majlis Daerah Tanah Merah, Tumpat dan Kota Bharu. Di lapangan, pelajar dibantu oleh En. Ariff dan Encik Amran yang merupakan wakil pekerja anak syarikat Kelantan Utilities Mubaraakan Holding Sdn Bhd (KUHM) yang menguruskan ketiga -ketiga tapak pelupusan sampah ini.

BENGGKEL AUDIT DALAMAN

MS ISO/IEC 17025:2017 BAGI TAHUN 2023

FSB Laboratories



Pada 8 Mei 2023 telah berlangsung Bengkel Audit Dalaman Bagi MS ISO/IEC 17025:2017 Bagi Tahun 2023 anjuran Unit Pengurusan Makmal FSB (FSB Laboratories). Bengkel ini dianjurkan untuk memastikan auditor dalaman adalah terlatih dan berkualiti dan turut merupakan salah satu keperluan bagi memastikan pengurusan makmal berakreditasi mematuhi segala peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam MS ISO/IEC 17025:2017. Bengkel ini melibatkan 20 peserta yang terdiri daripada kakitangan makmal dan pensyarah UMK yang terlibat dalam pengurusan makmal berakreditasi.

Pengkongsian ilmu dan pengalaman oleh Dr. Khomaizon Binti Abdul Kadir Pahirulzaman yang merupakan pensyarah Fakulti Industri Asas Tani dan turut diiktiraf sebagai auditor teknikal bagi pematuhan MS ISO/IEC 17025:2017 dan pelatih auditor dalaman. Bengkel ini melibatkan pengajaran empat elemen utama dalam penganjuran dan pelaksanaan audit dalaman bagi kepatuhan MS ISO/IEC 17025:2017 iaitu Principle of Auditing, MS ISO/IEC 17025:2017 requirements, Audit Planning and Audit Execution. Empat elemen ini secara tidak langsung memberikan pendedahan dan perkongsian secara langsung kepada peserta mengenai kaedah penganjuran audit dalam dan item-item yang perlu diambil kira ketika proses audit berlangsung. Peserta bukan sahaja terdedah dengan proses penganjuran turut mendapat pengalaman dalam mengaudit dengan contoh-contoh dan senario yang dibekalkan oleh modul penceramah.

PEMBENTANGAN AKHIR KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN II

**PELAJAR TAHUN 3 SEN, FAKULTI SAINS
BUMI 2022/2023**

Nur Kyariatul Syafinie Binti Abdul Majid

Penganjuran pembentangan akhir kursus projek penyelidikan II bagi pelajar tahun 3, Fakulti Sains Bumi 2022/2023 telah berjaya dilaksanakan pada 25-26 Jun 2023 bertempat di Fakulti Sains Bumi. Kesemua 43 pelajar yang terlibat telah pun membentangkan hasil penyelidikan mereka mengikut segala aspek yang telah ditetapkan. Pembentangan akhir ini adalah untuk menguji tahap kemampuan mereka dalam menjalankan penyiasatan akademik, terkawal dan bercorak empirikal serta membentangkannya dengan jelas dan teratur. Program kolokium ini juga turut diadakan bagi memenuhi hasil pembelajaran kursus yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Seramai 13 orang pensyarah Program Sains Sumber Asli (SEN) juga terlibat sebagai pemeriksa dan penyelia. Sesi pembentangan berjalan selama dua hari berturut-turut dan diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian hadiah oleh Chm. Dr. Nik Raihan Nik Yusoff (Ketua Jabatan Sains Sumber Asli dan Kelestarian) kepada tiga pembentang terbaik. Kesemua pelajar telah berjaya mempamerkan sikap dan nilai-nilai murni bagi memberi kerjasama dalam menjayakan program pembentangan projek penyelidikan tahun akhir II ini.





LAWATAN AKADEMIK

KURSUS EKT3093 DAN EKE3093

Nor Sayzwani Sukri & Encik Hizami Hassin

Lawatan akademik merupakan salah satu aktiviti luar P&P yang bertujuan memberikan pendedahan luar bilik kuliah terhadap sesebuah subjek. Pelajar tahun 3 Program SEL berkesempatan mengadakan lawatan akademik ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong Selangor dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kuala Lumpur yang menggabungkan kursus Sosiologi dan Pembangunan Lestari (EKT3093) dan kursus Ekonomi Perdagangan Alam Sekitar (EKT3143). Lawatan akademik ini diadakan pada 25 -27 Mei 2023.

Bagi kursus EKT3093 pendedahan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah dan FRIM memberikan gambaran sebenar mengenai konsep ekosentrik yang diaplikasikan di tempat-tempat tersebut. Manakala bagi kursus EKT 3143 pengaplikasian konsep ekonomi perdagangan alam sekitar di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah dan pelajar berpeluang mendengar taklimat secara lansung daripada pihak MITI mengenai isu semasa ekonomi perdagangan alam sekitar di Malaysia mahupun di peringkat global.

PEMBENTANGAN CADANGAN AWAL PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR

PROGRAM SEL DAN SEG

Nor Sayzwani Sukri & Roniza Ismail



Seramai 140 orang pelajar Tahun 3 yang terdiri daripada Program SEL dan Program SEG telah berjaya melepasi tahap awal projek penyelidikan tahun akhir mereka dengan jayanya pada 19 – 22 Mei 2023. Pembentangan cadangan awal projek penyelidikan mereka telah dinilai oleh pensyarah program masing-masing. Hasil daripada pembentangan ini memberikan lebih positif input dan penambahbaikan untuk memantapkan lagi projek penyelidikan tahun akhir. Ini menjadi batu loncatan kepada pelajar untuk mereka lebih memahami dan mendalami projek penyelidikan tahun akhir mereka. Ini adalah kerana pelajar sendiri yang akan mengerakkan projek penyelidikan akhir mereka dibawah penyelia penyelia projek.



KERJA LAPANGAN BAGI KAJIAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR

LATA KEDING, LATA JANGGUT, LATA TURBO DAN LATA RENYOK, JELI KELANTAN

Farah Khaliz Kedri

Kerja lapangan adalah salah satu daripada kaedah pengumpulan data yang dilakukan oleh pelajar untuk melengkapkan kajian penyelidikan tahun akhir mereka. Kerja lapangan ini telah dijalankan pada 16 Ogos 2023 bertempat di beberapa sungai rekreasi di Jeli, Kelantan.

Aktiviti kerja lapangan ini telah dijalankan oleh 3 orang pelajar tahun akhir, berserta pensyarah dan staf pengiring. Antara aktiviti yang dijalankan semasa kerja lapangan ini adalah pengambilan sampel air sungai dan juga merekodkan bacaan parameter kualiti air sungai secara in-situ. Objektif utama kerja lapangan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi subjek kajian penyelidikan tahun akhir I dan II. Dengan adanya kerja lapangan ini, pelajar dapat menimba ilmu dan mempraktikkan ilmu teori di makmal apabila berada di lapangan, terutama sekali pengendalian peralatan makmal di lapangan dan tatacara penyimpanan sampel sebelum analisis makmal dijalankan.

KERJA LAPANGAN

KURSUS GEOFIZIK (EGT2043) DAN PALEONTOLOGI (EGT2023)

Dr. Noorzamzarrina Sulaiman



Kerja lapangan bagi kursus Geofizik (EGT2043) dan Paleontologi (EGT2023) ini telah diadakan pada 8 – 10 Jun 2023. Kerja lapangan ini dilakukan adalah bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar Geosains Tahun 2 beberapa alatan geofizik seperti seismometer dan gravitimeter bagi kursus Geofizik. Pelajar juga diajar dan didedahkan tentang penggunaan dan cara pengendalian alatan geofizik tersebut yang merupakan kesinambungan daripada aktiviti kuliah dan makmal kursus EGT2043- Geofizik. Bagi kursus Paleontologi pula, pelajar berpeluang untuk melihat sendiri serta mengenalpasti jenis-jenis fosil yang terdapat di kawasan lapangan.



Seramai 48 orang pelajar Geosains Tahun 2, dua orang pensyarah, dan seorang pembantu makmal telah terlibat dalam kerja lapangan ini dengan kerjasama Jabatan Geologi, UKM. Wakil pensyarah dan pembantu makmal dari Jabatan Geologi, UKM ini telah memberikan kerjasama yang amat baik dengan berkongsi pengetahuan serta pengalaman mereka dalam bidang geofizik serta membuat demonstrasi penggunaan alat seismometer dan gravitimeter. Program tiga hari ini telah dimanfaatkan dengan slot perkongsian di kelas dan juga secara praktikal di lapangan. Pelajar berpeluang untuk merasai sendiri dalam pengendalian alat di lapangan dan dapat mengumpul data.



BENGKEL

PENGGUNAAN DAN PENGURUSAN ABEM TERRAMETER LS 2 DAN ALATAN SEISMIK

Sharifah Aisyah Syed Omar



Trained@FSB: Workshop of Resistivity and Seismic Survey for Subsurface Investigation telah dianjurkan pada 25 Jun 2023 dengan kerjasama Board of Geologists Malaysia, Ferrogeo Services dan Northern Geo Solutions. Bengkel dianjurkan bagi memberikan penerangan ringkas mengenai penggunaan peralatan makmal iaitu ABEM Terrameter LS dan Seismic Survey Meter. Bengkel turut membincangkan teknik analisa melibatkan data yang diperolehi daripada alatan tersebut.

FSB GLOBAL OUTREACH: INTERNATIONAL MOBILITY FOR DISCOVERING, NETWORKING AND LINKAGES

Mohd Sukhairi Mat Rasat & Mohd Syakir Sulaiman



Pada 15 hingga 19 Mei 2023 telah diadakan satu program mobiliti antarabangsa (tidak berkredit) ke Bandung, Indonesia iaitu bahagian barat kepulauan Jawa. Program ini telah disertai oleh seramai 30 pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) daripada program Geosains, Sains Kelestarian serta Sains Sumber Asli dan diiringi oleh 9 pensyarah pengiring diketuai oleh YBhg. Dekan FSB.



Dalam melahirkan graduan yang holistik, bersifat global serta berfikiran terbuka, program mobiliti pelajar ke luar negara adalah suatu kaedah bagi mencapai matlamat tersebut dan ia seiring dengan saranan United Nations: Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: Quality Education dan SDG17: Partnership for the Goals.

Ia juga sejajar dengan slogan Discover FSB yang telah dilancarkan oleh YBhg. Dato Naib Canselor pada 31 Januari 2023 yang lalu dimana program mobiliti pelajar ke luar negara ini adalah bertepatan dengan dua (2) daripada tujuh (7) tema Discover FSB iaitu Discover FSB 4: FSB Xplore (untuk memupuk semangat dan kemahiran tanpa batas dalam menghayati keindahan bumi) dan Discover FSB 7: Global Outreach (untuk mengembangkan pengaruh global FSB dalam usaha kelestarian bumi diperingkat antarabangsa).

Antara tempat yang telah dilawati oleh delegasi FSB dalam program tersebut adalah Gunung Tangkuban Parahu, Orchid Forest Cikole dan Farm House Lembang. Ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana kawasan yang berasaskan sumber asli, alam sekitar serta bentuk muka bumi secara geologinya boleh diusahakan ke arah penjana pendapatan kepada penduduk setempat khususnya, dan kepada Indonesia amnya. Ia adalah untuk menerapkan pelajar dengan ciri-ciri keusahawanan sekaligus menepati visi UMK dalam menghasilkan pelajar yang holistik berkeusahawanan.

Manakala, terdapat dua (2) buah institusi pengajian tinggi tersohor di Bandung yang telah dilawati iaitu Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) dimana terdapat beberapa program akademik di kedua-dua institut pengajian tinggi tersebut yang mempunyai persamaan dengan program akademik di FSB, UMK. Tambahan pula UMK mempunyai memorandum persefahaman (MoU) bersama UNPAD dan program mobiliti ini adalah antara aktiviti yang boleh merencanakan memorandum tersebut, disamping mengintai peluang untuk mengadakan kerjasama bersama ITB bagi pembangunan pelajar.

Pendedahan yang akan diperoleh oleh bakal graduan melalui program mobiliti pelajar ke luar negara ini bukan hanya akan memberikan nilai tambah kepada mereka bagi memperlengkapkan diri sebagai seorang graduan, bahkan untuk bersaing di alam pekerjaan kelak kerana program ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan serta daya saing bakal graduan.





HUBUNGI KAMI

FAKULTI SAINS BUMI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
17600 JELI
KELANTAN

<https://fsb.umk.edu.my>

fsb@umk.edu.my

+609-9477341